

Kenyataan Media

"PAR" SATU LANGKAH PERKUKUH INTEGRITI **PUSPAKOM Perkenal Program Wakil Pelanggan Yang Diluluskan**

Shah Alam, 16 Jun 2023 – PUSPAKOM Sdn. Bhd. (PUSPAKOM) telah memperkenalkan program Wakil Pelanggan Yang Diluluskan oleh PUSPAKOM (*PUSPAKOM Approved Customer Representative* atau *PAR*) sebagai langkah untuk memperkuuhkan integriti dan mengekalkan tahap amalan tertinggi di dalam semua urusan perniagaan. Langkah ini dilaksanakan agar semua operasi syarikat dapat dijalankan secara telus, profesional dan saksama selaras dengan peraturan dan undang-undang yang termaktub.

Lazimnya, ramai pelanggan PUSPAKOM menggunakan khidmat "runner" atau orang tengah bagi urusan pemeriksaan kenderaan di pusat pemeriksaan. Bagaimana pun, ada segolongan orang tengah yang memanipulasi, mengenakan caj perkhidmatan yang tinggi dan memberi maklumat palsu kepada pelanggan. Pelanggan kemudiannya membuat aduan bahawa PUSPAKOM tidak telus, dan ini telah memberi persepsi buruk terhadap imej PUSPAKOM.

Bagi mengatasi isu-isu negatif dan amalan tidak beretika oleh sesetengah orang tengah ini, sistem PAR diperkenalkan. Melalui sistem PAR, PUSPAKOM membuat saringan latar belakang akan dijalankan bagi semua *runner* dengan kerjasama pihak berkuasa . Mereka yang lulus saringan akan didaftar sebagai PAR.

Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Shukor Ismail berkata, "Program PAR ini adalah satu inisiatif bagi mewujudkan suatu persekitaran yang positif dan situasi yang telus dan beretika bagi pihak-pihak yang berurusan di PUSPAKOM. Program PAR ini



PUSPAKOM

Your Safety, Our Priority

Ahli Kumpulan

DRB-HICOM

berteraskan integriti, prinsip ketelusan dan amanah serta mewujudkan keharmonian antara Pelanggan, Wakil Pelanggan atau Pembawa Kenderaan dan PUSPAKOM.”

”Walau bagaimanapun, PUSPAKOM masih mengalu-alukan orang ramai untuk hadir sendiri ke pusat pemeriksaan PUSPAKOM. Inisiatif ini tidak berniat untuk menafikan hak pelanggan untuk hadir sendiri,” tambah beliau.

Semua pelanggan yang ingin menggunakan khidmat orang tengah juga digalakkan untuk mendapatkan khidmat PAR melalui senarai *PAR* di laman web PUSPAKOM www.puspakom.com.my.

Bagi memperincikan objektif serta tatacara yang perlu diadaptasikan oleh PAR dalam menawarkan perkhidmatan mereka kepada pelanggan, PUSPAKOM telah menganjurkan beberapa sesi taklimat yang turut disusuli dengan Ikrar Bebas Rasuah oleh ahli-ahli PAR.

PUSPAKOM akan terus melaksanakan inisiatif memperkuuhkan intergriti di bawah Rangka Kerja Integriti & Pematuhan PUSPAKOM (PICF), pelan komprehensif untuk menangani risiko integriti, sebagai usaha bersepada dalam meningkatkan tahap integriti seluruh Syarikat. PICF adalah selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 17A (Liabiliti Korporat bagi kesalahan rasuah) Akta SPRM 2009 (Pindaan 2018) dan Tatacara Mencukupi dalam usaha memperkuuh pencegahan rasuah termasuk Prinsip T.R.U.S.T.

Untuk maklumat lanjut tentang PAR, sila layan laman sesawang PUSPAKOM www.puspakom.com.my.



PUSPAKOM

Your Safety, Our Priority

Ahli Kumpulan

DRB-HICOM

MENGENAI PUSPAKOM

Puspakom Sdn. Bhd. (PUSPAKOM) merupakan syarikat pemeriksaan kenderaan yang pertama dan satu-satunya yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia untuk menjalankan semua pemeriksaan mandatori bagi kedua-dua kenderaan komersial dan persendirian. Ditubuhkan pada tahun 1994, kami adalah anak syarikat milik penuh DRB-HICOM Berhad.

Peranan utama kami adalah untuk menjalankan pemeriksaan ke atas kenderaan untuk membantu pemilik kenderaan dalam memastikan kenderaan berada di dalam keadaan yang selamat untuk dipandu di atas jalan raya serta memastikan pemilik kenderaan mematuhi peraturan-peraturan dalam memelihara alam sekitar melalui ujian pelepasan asap. Ini akan dilakukan melalui pemeriksaan yang ketat dan teliti terhadap kenderaan untuk memastikan mereka mematuhi peraturan keselamatan Kerajaan.


Setiap tahun, PUSPAKOM menjalankan lebih daripada 3 juta pemeriksaan kenderaan. PUSPAKOM mempunyai rangkaian di seluruh negara di 54 pusat pemeriksaan yang dilengkapi peralatan yang diiktiraf dan dikalibrasi oleh pihak berkaitan dari semasa ke semasa. Selain itu, PUSPAKOM juga mempunyai lebih daripada 25 pemeriksaan secara lawatan yang menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan di kawasan kurang penduduk dan di luar bandar.

Perkhidmatan Pemeriksaan Bergerak PUSPAKOM terdiri daripada Unit Bergerak Trak, Unit Bergerak Van dan Unit Bergerak Ringan, menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan dari pintu ke pintu kepada pelanggan individu dan korporat kami. Kami bangga memberikan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan yang cepat, cekap dan tepat secara profesional.

Gambar



Ahli-Ahli PAR mengangkat ikrar sebagai komitmen untuk memberikan perkhidmatan berintegriti kepada pelanggan.



Orang tengah yang ingin menyertai PAR boleh mendaftar di www.mypuspakom.com.my